



PANDUAN PERMOHONAN PINJAMAN PENDIDIKAN MARA TESP 2024

Dikemas kini setakat 22 November 2024

SENARAI SEMAK MUAT NAIK DOKUMEN TESP 2024

| BIL. | DOKUMEN MANDATORI (WAJIB) |
|------|---|
| 1 | Salinan Kad Pengenalan Pemohon |
| 2 | Salinan Kad Pengenalan Bapa/Penjaga Sah |
| 3 | Salinan Kad Pengenalan Ibu/Penjaga Sah |
| 4 | Salinan Sijil Kelahiran Pemohon/Sijil Pengangkatan (bagi anak angkat) |
| 5 | Salinan Sijil Kelahiran Bapa/Penjaga Sah (sekiranya maklumat bapa tidak diketahui atau sijil kelahiran hilang/rosak/musnah, pemohon perlu mendapatkan cabutan sijil kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara) |
| 6 | Salinan Sijil Kelahiran Ibu/Penjaga Sah (sekiranya maklumat ibu tidak diketahui atau sijil kelahiran hilang/rosak/musnah, pemohon perlu mendapatkan cabutan sijil kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara) |
| 7 | Salinan Sijil SPM / SVM |
| 8 | Salinan Sijil / Skrol / Transkrip lengkap keputusan peperiksaan bagi pengajian peringkat tertinggi: i. Matrikulasi/Asasi/Persediaan/IB/A-Level/STPM/STAM/Diploma; atau ii. Salinan keputusan peperiksaan CGPA (transkrip penuh) semester sebelum bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian |
| 9 | Salinan Surat Tawaran Pengajian daripada IPT |
| 10 | Surat Pengesahan Pengajian/Sedang Belajar daripada IPT |
| 11 | Salinan Struktur Yuran sepanjang pengajian (maklumat terperinci semua jenis bayaran yuran setiap semester) - * PERLU DISAHKAN OLEH IPT (kecuali IPMA) |
| 12 | Salinan Penyata Gaji/Pendapatan Bulanan DAN Penyata Pendapatan Bercukai Tahunan (Penyata BE atau B) terkini: - Bapa/Penjaga Sah/Pasangan atau Surat Pengesahan Pendapatan * Surat Pengesahan Pendapatan (Rujuk Panduan Permohonan) |
| 13 | Salinan Penyata Gaji/Pendapatan Bulanan DAN Penyata Pendapatan Bercukai Tahunan (Penyata BE atau B) terkini: - Ibu/Penjaga Sah/Pasangan atau Surat Pengesahan Pendapatan * Surat Pengesahan Pendapatan (Rujuk Panduan Permohonan) |
| 14 | Salinan muka depan buku atau penyata bank terkini atas nama pelajar (hanya saving account akaun dewasa di Bank Islam / CIMB / Maybank / Bank Muamalat / Affin Islamic Bank Berhad / BSN / RHB Bank) (akaun simpanan seperti MAE, ZEST-i dan selain akaun bank utama seperti dinyatakan di atas adalah TIDAK DITERIMA) |

* Nota: Sekiranya ibu/bapa/penjaga yang mempunyai Pendapatan Bercukai Tahunan (Penyata BE atau B) **tetapi tidak** memuat naik salinan Penyata BE atau B terkini dan hanya memuat naik Penyata Gaji bulanan maka pertimbangan kelayakan jenis pinjaman (sama ada yuran sahaja atau yuran dan elaun-elaun) akan hanya mengambil kira Penyata Gaji bulanan yang telah dimuat naik semasa permohonan dibuat).

SENARAI SEMAK MUAT NAIK DOKUMEN TESP 2024

| BIL. | DOKUMEN-DOKUMEN LAIN (JIKA BERKAITAN) |
|------|---|
| 1 | Salinan Sijil Kematian Ibu/Bapa |
| 2 | Salinan Sijil Pencereraian Ibu/Bapa |
| 3 | Salinan Sijil Pernikahan (bagi Ibu/Bapa tiri/Pasangan) |
| 4 | Salinan Kad Pengenalan Pasangan (Suami/Isteri) |
| 5 | Salinan Penyata Gaji/Pendapatan Bulanan Terkini DAN Penyata Pendapatan Bercukai Tahunan (Penyata BE atau B) ATAU Surat Pengesahan Pendapatan Suami/Isteri |
| 6 | Surat Kebenaran Mengikuti Pengajian/Pelepasan/Kelulusan Cuti Belajar/Cuti Tanpa Gaji/Berhenti Bekerja/Penangguhan/Pengurangan Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran dari majikan/penaja terdahulu |
| 7 | Surat Pengesahan Grading CGPA bagi transkrip keputusan peperiksaan luar negara. - WAJIB sekiranya pengajian terdahulu menggunakan Bahasa selain Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. (Transkrip peperiksaan yang menggunakan bahasa selain Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris perlu diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris dan disahkan oleh pihak universiti asal atau Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)) |

SALINAN KAD PENGENALAN DAN STATUS PEKERJAAN

Pastikan setiap salinan kad pengenalan pelajar, penjaga sah dan penjamin dipalangkan di bucu dokumen.



Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara

*Nota : Dipalang dua (2) garisan dan ditulis “**MARA**” dalam palang tersebut

| Status Pekerjaan | Butiran | Pegawai Pengesah Pendapatan |
|--|---|--------------------------------------|
| Bekerja | <ul style="list-style-type: none">▪ Salinan penyata gaji/pendapatan bulanan yang dikeluarkan oleh majikan; DAN▪ Pendapatan Bercukai Tahunan (penyata BE atau B) yang terkini. | Tidak perlu disahkan |
| Bekerja sendiri (yang tidak layak dikenakan cukai pendapatan) / tiada pendapatan / surirumah | <ul style="list-style-type: none">▪ Lengkapkan Borang Pengesahan Pendapatan yang telah disediakan. * Surirumah/tidak bekerja/tiada pendapatan juga perlu membuat pengesahan tiada pendapatan. | Perlu disahkan - Rujuk Lampiran 1 |
| Pesara Kerajaan | <ul style="list-style-type: none">▪ Cetakan penyata bayaran pencen melalui pautan https://apps.jpapencen.gov.my/penyatabayaran | Tidak perlu disahkan |
| Golongan rakyat termiskin | <ul style="list-style-type: none">▪ Cetakan status pendaftaran eKasih melalui pautan (https://ekasih.icu.gov.my) | Tidak perlu disahkan |

PENGESAHAN PENDAPATAN DAN KELAYAKAN PENJAMIN

1. Pengesahan Pendapatan

- 1.1 Borang Pengesahan Pendapatan **hanya perlu diisi oleh pemohon, ibu dan bapa / pasangan / penjaga sah** yang berstatus **Bekerja Sendiri (Yang Tidak Layak Dikenakan Cukai Pendapatan) / Tidak Bekerja / Tiada Pendapatan / Surirumah.** Sila abaikan borang ini jika tidak berkenaan.
- 1.2 Sila **rujuk Lampiran 1** bagi senarai pegawai yang layak untuk mengesahkan pendapatan penjamin.

2. Kelayakan menjadi penjamin adalah seperti berikut:

| Perkara | Pengajian / Program | |
|---|--|----------------------|
| | Dalam Negara | |
| Penjamin | Satu (1) penjamin | |
| Warganegara | Warganegara Malaysia Pemastautin | |
| Penjamin | <ul style="list-style-type: none">▪ Warganegara Malaysia pemastautin yang tidak diisyihar muflis, tidak disenarai hitam oleh MARA atau dalam tindakan Undang-Undang MARA;<ul style="list-style-type: none">- Semakan senarai hitam MARA boleh dibuat di Bahagian Kawalan Kredit (BKK) MARA;- Sekiranya penjamin telah disenarai hitam dan bayaran tunggakan telah dibuat, proses pemutihan hendaklah dibuat terlebih dahulu dengan menghubungi BKK MARA.▪ Penjamin hanya layak menjamin dua (2) orang pelajar sahaja dalam satu masa;▪ Penjamin tidak boleh menjadi saksi dalam satu masa; DAN▪ Syarat-syarat lain yang telah ditetapkan (rujuk terma mengenai penjamin dalam Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan MARA setelah kelulusan dan penerimaan tawaran pinjaman) | |
| Jika ibu/bapa/penjaga sah menjadi penjamin | <ul style="list-style-type: none">▪ Tiada had umur;▪ Hanya salah seorang sahaja (ibu ATAU bapa/penjaga sah) layak menjadi penjamin. | |
| Selain ibu/bapa/penjaga sah menjadi penjamin | <ul style="list-style-type: none">▪ Berumur 21 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun dari tarikh menandatangani surat perjanjian MARA;▪ Warga kerja MARA TIDAK DIBENARKAN menjadi penjamin kecuali untuk pinjaman anak sendiri. | |
| Gaji / Pendapatan | > RM500.00 sebulan | > RM1,000.00 sebulan |
| Bagi ibu/bapa/penjaga sah golongan rakyat termiskin | Dikecualikan dari kategori pendapatan di atas dengan syarat status golongan rakyat termiskin mestilah tersenarai di dalam senarai JPM/EPU | |

BORANG PENGESAHAN PENDAPATAN

(DIISI OLEH IBU / BAPA / PENJAGA SAH YANG :
BEKERJA SENDIRI (Yang Tidak Layak Dikenakan Cukai Pendapatan) / TIDAK BEKERJA /
TIADA PENDAPATAN / SURIRUMAH)

Tarikh: _____

| | |
|---------------------------|---|
| Nama Ibu/bapa/Penjaga Sah | : |
| No. Kad Pengenalan | : |
| Alamat Tetap | : |

Merujuk butiran di atas, saya adalah (**ibu / bapa / penjaga sah**) kepada pelajar memohon Pinjaman Pelajaran MARA seperti di bawah.

| | |
|--------------------|---|
| Nama Pelajar | : |
| No. Kad Pengenalan | : |

Dengan ini sesungguhnya, saya mengaku dan mengesahkan bahawa saya adalah **bekerja sendiri (yang tidak layak dikenakan cukai pendapatan) / tidak bekerja / tiada pendapatan / surirumah**
*(sila potong mana yang tidak berkenaan)

Pekerjaan (sekiranya berkaitan) : _____

Pendapatan RM (bulanan) : _____

.....
Tandatangan (**ibu / bapa / penjaga sah**)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

.....
(Disahkan oleh Pegawai Pengesah) (rujuk **Senarai Individu Yang Layak Menjadi Saksi/Pengesah Dokumen di Lampiran 1**)

Saya dengan ini mengesahkan bahawa keterangan yang diberikan oleh penama seperti di atas adalah **BENAR**.

.....
Tandatangan Pegawai Pengesah
(Cap Rasmi : Nama, No. Kad Pengenalan, Jawatan dan Jabatan)

SENARAI INDIVIDU YANG LAYAK MENJADI SAKSI / PENGESAH PENDAPATAN

| | |
|--------------------------|--|
| DOKUMEN BERKAITAN | Akuan Pendapatan / Penyata Gaji / Perjanjian Pinjaman / Salinan Dokumen Sokongan |
| KELAYAKAN | Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang bermastautin di Malaysia |
| JAWATAN | <p>a) Pegawai Kerajaan berjawatan tetap dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 / Kumpulan A ke atas.</p> <p>b) Bagi individu yang bukan Pegawai Kerajaan, mereka hendaklah yang telah diberi kuasa perundangan.</p> |
| KATEGORI | <p>i. KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (Gred 41 / Kumpulan A ke atas) Semua Pegawai Kerajaan Gred 41 / Kumpulan A dan ke atas di Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Daerah</p> <p>ii. PEGAWAI PENDIDIKAN a) Pensyarah di IPTA / Politeknik / Kolej Komuniti b) Pegawai Pendidikan Negeri / Daerah c) Pengetua / Guru Besar / Guru Penolong Kanan / Guru (Gred 41 ke atas) di sekolah kerajaan sahaja</p> <p>iii. PEGAWAI PERKHIDMATAN PERUBATAN / KESIHATAN Semua doktor yang bertugas di Hospital dan di Pusat Kesihatan Kerajaan sahaja</p> <p>iv. PEGAWAI KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN a) Semua pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berkhidmat dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan Kerajaan (Contoh: Hakim, Majistret, Peguam Persekutuan, Penasihat Undang-Undang, Pendaftar Mahkamah) b) Semua Peguambela dan Peguamcara (sertakan nombor pendaftaran dan alamat syarikat) c) Semua Pesuruhjaya Sumpah d) Jaksa Pendamai</p> <p>v. PEGAWAI BERUNIFORM a) Tentera (Kapten dan ke atas) b) Polis (Pen. Penguasa dan ke atas / No. KP bermula huruf G) c) Pegawai Penjara (Penguasa Penjara dan ke atas) d) Pegawai Bomba (Penguasa Bomba) e) Jabatan Perhutanan (Pemelihara Hutan Gred 1 / Pegawai Hidupan Liar) f) Jabatan Laut (Jurutera Laut dan ke atas) g) Kastam (Penguasa Kastam dan ke atas)</p> <p>vi. LAIN-LAIN a) Pengawa / Penghulu / Ketua Kampung / Ketua / Pemimpin Masyarakat / Sidang / Pegawai Pembangunan Mukim / Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) / Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK) / Pengerusi Persatuan Penduduk / Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) b) Pengurus FELDA / Pengerusi Jawatankuasa dan Keselamatan Rancangan (JKKR) c) SABAH dan SARAWAK – Ketua Kaum / Ketua Anak Negeri / Temenggong / Kapitan / Pemanca d) Ahli Parlimen / Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)</p> |

Nota:

- Hanya kategori i hingga vi diatas sahaja yang layak menjadi saksi / pengesah pendapatan. **Selain daripada kategori tersebut adalah TIDAK DIBENARKAN;**
- Ibu, Bapa & Penjaga pemohon **TIDAK DIBENARKAN** menjadi saksi / pengesah pendapatan;
- Tandatangan bagi pihak (b/p) **TIDAK DIBENARKAN**;
- Tandatangan hendaklah menggunakan pen. Tandatangan menggunakan cap (*stamp*), cap jari atau digital **TIDAK DIBENARKAN**;
- Setiap pengesahan oleh pegawai yang layak di atas salinan dokumen atau borang yang mana berkenaan mestilah mempunyai **nama penuh pegawai, no. kad pengenalan pegawai, jawatan pegawai, nama jabatan pegawai dan alamat tempat kerja pegawai** tersebut;
- Tandatangan tanpa cap (*stamp*) dan maklumat penuh / jawatan pegawai adalah **TIDAK DITERIMA**;
- Salinan Penyata Gaji/Pendapatan Bulanan **dan** Penyata BE perlu disahkan oleh majikan tempat bekerja (kecuali bagi kes tertentu seperti bekerja *offshore* boleh disahkan oleh pengesah dokumen seperti di Lampiran 1 ini);
- Salinan Penyata Gaji/Pendapatan Bulanan **dan/atau** Penyata B disahkan oleh individu yang layak pengesah dokumen seperti di Lampiran 1 ini.